BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 05/09/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 27 Mei 2009

Perkembangan Monetari dan Kewangan April 2009
Kenyataan Utama Siaran Akhbar

- Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah dalam sejarah iaitu 5.13%.

- Pembiayaan bersih kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat pada kadar tahunan 10.6%.

- Inflasi menjadi sederhana kepada 3.0% disebabkan kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kebanyakan kategori, terutamanya kategori *makanan dan juga minuman tanpa alkohol*.

- Sistem perbankan terus berdaya tahan dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 14.2% dan 12.3%.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 05/09/11

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 27 Mei 2009

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

April 2009

Pertumbuhan dalam pembiayaan kasar kepada sektor swasta meningkat dengan ketara pada bulan April. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) terkumpul berkembang pada kadar tahunan 10.6%. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat pada kadar tahunan 10.6%.

Pada tempoh 1 April – 26 Mei, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) tidak berubah antara bulan April hingga Mei, dengan kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan terus berada dalam julat 2.02% hingga 2.52%. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Mei, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah dalam sejarah, iaitu 5.13% pada akhir bulan April (5.49% pada bulan Februari dan 5.16% pada bulan Mac).

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) sebanyak 4.5% antara 1 April hingga 26 Mei berikutan sentimen pasaran yang bertambah baik. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-5.8%) dan euro (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (4.4%), peso Filipina

(2.0%) dan baht Thailand (1.2%). Namun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-0.4%), rupiah Indonesia (-6.9%) dan won Korea (-5.1%).

Inflasi menjadi sederhana kepada 3.0% disebabkan kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kebanyakan kategori, terutamanya kategori *makanan dan juga minuman tanpa alkohol*.

Wang secara luas atau M3 berkurang pada asas bulanan disebabkan penguncupan sementara dalam mudah tunai sektor swasta bukan bank berikutan usaha pemerolehan modal tambahan oleh bank dan peningkatan dalam pemegangan sekuriti BNM pada bulan tersebut.


Sistem perbankan terus berdaya tahan dengan nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) dan nisbah modal teras masing-masing meningkat kepada 14.2% dan 12.3%. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loans, NPL) bersih terus stabil pada 2.2% daripada jumlah pinjaman bersih sejak bulan Disember 2008.

Kadar faedah terus stabil


Pada tempoh 1 April hingga 26 Mei, purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman bergerak dalam julat kecil 1.99% - 2.01%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain juga secara relatif stabil.

Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) purata bank perdagangan antara bulan April hingga Mei tidak berubah. Pada 15 Mei, kadar FD disebut purata bagi tempoh pemegangan 1 hingga 12 bulan adalah dalam julat 2.02% hingga 2.52%.

Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata tidak berubah pada 5.53% pada 15 Mei, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) menurun ke tahap terendah dalam sejarah, iaitu 5.13% pada akhir bulan April (5.49% pada bulan Februari dan 5.16% pada bulan Mac).




Kadar antara bank semalaman purata bergerak dalam julat kecil




Kadar antara bank lain juga secara relatif stabil


BNM terus menyerap mudah tunai lebihan




BLR bank perdagangan tidak berubah,manakala ALR menurun




Nisbah pinjaman-deposit dan pembiayaan-deposit meningkat pada bulan April. Ini mencerminkan peningkatan dalam pinjaman, manakala deposit dalam sistem perbankan menurun sedikit





	1 bulan	3 bulan	6 bulan	9 bulan	12 bulan
Mac 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
Apr 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52
15 Mei 09	2.02	2.04	2.05	2.06	2.52

Kadar FD purata antara Mac hingga 15 Mei tidak berubah




Kadar FD benar masih negatif

Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS


Ringgit menambah nilai sebanyak 4.5% berbanding dengan dolar AS pada tempoh 1 April hingga 26 Mei. Ini secara amnya sejajar dengan trend serantau yang menyaksikan para pelabur lebih bersedia untuk mengambil risiko lantas menyebabkan aktiviti pelaburan yang berterusan dalam ekuiti dalam pasaran sedang pesat membangun. Ringgit terus disokong oleh jangkaan bahawa rangsangan fiskal dalam negeri dan pelonggaran monetari pada awal tahun akan menjadikan keadaan ekonomi lebih stabil pada separuh tahun kedua. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (0.5%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-5.8%) dan euro (-0.9%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan renminbi China (4.4%), peso Filipina (2.0%) dan baht Thailand (1.2%). Walau bagaimanapun, ringgit menyusut nilai berbanding dengan rupiah Indonesia (-6.9%), won Korea (-5.1%) dan dolar Singapura (-0.4%).

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama



Ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS dan yen Jepun, tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling dan euro

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau


Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih


RM kepada mata wang asing	Akhir tempoh				Perubahan %	
	Dis 08	Mac 09	Apr 09	26 Mei 09	Akhir Dis 08 - 26 Mei 09	Akhir Mac 09 - 26 Mei 09
Dolar AS	3.4640	3.6470	3.5610	3.4915	-0.8	4.5
Euro	4.8759	4.8348	4.7404	4.8787	-0.1	-0.9
Paun sterling	4.9989	5.2203	5.2804	5.5443	-9.8	-5.8
100 yen Jepun	3.8327	3.7091	3.6570	3.6902	3.9	0.5
Dolar Singapura	2.4070	2.4008	2.4076	2.4103	-0.1	-0.4
100 baht Thailand	9.9398	10.266	10.091	10.142	-2.0	1.2
100 peso Filipina	7.2774	7.5343	7.3620	7.3871	-1.5	2.0
100 rupiah Indonesia	0.0316	0.0315	0.0334	0.0338	-6.3	-6.9
100 won Korea	0.2750	0.2630	0.2754	0.2770	-0.7	-5.1
Renminbi China	0.5076	0.5335	0.5218	0.5113	-0.7	4.4

Inflasi terus sederhana

Inflasi menjadi sederhana kepada 3.0% pada bulan April (Mac: 3.5%). Seperti pada bulan-bulan sebelumnya, penyederhanaan inflasi adalah disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih perlahan dalam kebanyakan kategori, terutamanya kategori *makanan dan juga minuman tanpa alkohol* (April: 7.5%; Mac: 8.8%). Kenaikan harga makanan yang lebih perlahan disebabkan terutamanya oleh penurunan inflasi yang ketara dalam subkategori *sayur-sayuran* (April: 0.8%; Mac: 6.8%) dan *daging* (April: 6.5%; Mac: 9.5%). Harga dalam kategori *pengangkutan* menurun pada kadar lebih pantas sedikit iaitu 2.3% (Mac: -2.1%)

Inflasi menjadi sederhana kepada 3.0% pada bulan April






Harga pengeluar terus menurun pada bulan Mac

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menurun sebanyak 8.9% pada bulan Mac (Februari: -6.3%), disebabkan terutamanya oleh harga komponen IHPR berkaitan komoditi yang nyata lebih rendah. Harga dalam komponen IHPR ini terus merosot dengan pantas sebanyak 25.3% pada bulan Mac (Februari: -18.8%). Harga komponen IHPR bukan berasaskan komoditi juga merosot pada kadar lebih cepat iaitu 1.2% (Februari: -0.5%).

Mengikut komposisi, harga dalam komponen IHPR tempatan dan diimport terus menurun dengan lebih pantas. Harga dalam komponen IHPR tempatan menurun 11.7% (Februari: -8.1%), sementara harga dalam komponen diimport menurun sebanyak 3.0% (Februari: -2.4%).




Harga pengeluar terus menurun pada bulan Mac

M3 menjadi sederhana

Pada bulan April, wang secara luas atau M3 mencatat kadar pertumbuhan tahunan yang lebih perlahan sebanyak 6.1%. Pada asas bulanan, M3 berkurang sebanyak RM1.2 bilion. Pengurangan ini sebahagian besarnya mencerminkan penguncupan sementara dalam mudah tunai sektor swasta bukan bank berikutan usaha pemerolehan modal tambahan oleh bank dan peningkatan dalam pemegangan sekuriti BNM pada bulan tersebut. Kesan penguncupan faktor-faktor ini yang terangkum dalam kategori *pengaruh lain*, sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan aset asing bersih sistem perbankan, penambahan perbelanjaan Kerajaan dan penyediaan kredit oleh bank.

Wang secara kecil atau M1 bertambah sebanyak RM2.9 bilion untuk meningkat pada kadar tahunan lebih tinggi iaitu 7.4%. Peningkatan M1 disebabkan oleh pemegangan deposit permintaan yang lebih tinggi.



Penentu-Penentu M3
(RM bilion)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 09	**Feb 09**	**Mac 09**	**Apr 09**
M3	14.2	-1.7	5.1	-1.2
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	5.6	-1.3	1.6	3.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	2.9	0.7	1.3	3.2
Pinjaman	*2.1*	*1.3*	*1.0*	*3.1*
Sekuriti	*0.8*	*-0.6*	*0.3*	*0.1*
Aset luar bersih *	3.1	1.9	-1.2	5.7
Pengaruh lain	2.5	-3.0	3.5	-14.0

* Sebelum penilaian semula
M3 telah disemak semula untuk mengambil kira "lain-lain deposit" bermula Disember 1999. Sebelum itu ianya tidak termasuk dalam pengiraan M3.

Deposit sistem perbankan merosot pada bulan April

Jumlah deposit dengan sistem perbankan merosot sebanyak RM1.1 bilion pada bulan April atau penurunan tahunan 6.2% (Mac: +RM9.3 bilion, 8.0%), mencerminkan pembayaran untuk pembelian ekuiti yang diterbitkan oleh institusi perbankan. Walau bagaimanapun, penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran perbelanjaan Kerajaan pada bulan tersebut. Dari segi pelanggan, penempatan deposit terutamanya oleh institusi kewangan dan individu, adalah lebih rendah. Mengikut jenis, penempatan deposit yang lebih rendah adalah dalam bentuk deposit tetap, deposit pasaran wang jangka pendek dan instrumen deposit boleh niaga.

Deposit mengikut Penyimpan

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 09	**Feb 09**	**Mac 09**	**Apr 09**
Kerajaan Persekutuan	-604	2,709	-2,612	300
Kerajaan Negeri	-588	1,542	305	847
Badan Berkanun [1]	-2,134	627	-323	2,155
Institusi Kewangan	-4,056	-3,533	7,251	-3,854
Perusahaan Perniagaan	6,673	-5,075	3,660	183
Individu	4,857	2,433	1,580	-1,597
Lain-lain [2]	391	1,016	-532	862
Jumlah	4,540	-280	9,328	-1,104

1/ Termasuk Kerajaan tempatan

2/ Termasuk lain-lain entiti tempatan dan entiti bukan bank asing

Deposit mengikut Jenis

(RM juta)

	Perubahan pada tempoh			
	Jan 09	**Feb 09**	**Mac 09**	**Apr 09**
Deposit tetap	9,864	2,193	-38	-6,553
NID	-4,316	-4,643	3,769	-2,347
Deposit permintaan	-1,834	252	-155	1,905
Deposit tabungan	523	1,968	736	1,832
Perjanjian beli balik (Repo)	41	-30	560	-538
Deposit mata wang asing	2,947	466	-645	3,134
Deposit SPI[1]	-2,460	1,433	3,170	4,722
Lain-lain[2]	-226	-1,976	1,962	-3,258
Jumlah	4,540	-280	9,328	-1,104


1/ Deposit SPI merujuk kepada deposit sistem perbankan Islam

2/ Lain-lain deposit merangkumi terutamanya deposit jangka pendek

Pembiayaan kasar meningkat dengan nyata


Pembiayaan kasar kepada sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan nyata pada bulan April. Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh terbitan hak dalam pasaran ekuiti. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 10.6% pada akhir bulan April (Mac: 10.7%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



[1] Tidak termasuk terbitan pelabur asing

Pembiayaan kasar meningkat dengan nyata pada bulan April



Permohonan dan kelulusan pinjaman pada bulan April secara relatif stabil …

Penunjuk Pinjaman Bank


	RM bilion			Pertumbuhan Tahunan (%)		
	Mac-09	Apr-09	J-A 09	Mac-09	Apr-09	J-A 09
Jumlah						
Permohonan pinjaman	42.4	41.8	149.9	5.8	-5.4	-3.4
Kelulusan pinjaman	24.3	24.1	83.0	-0.7	-18.2	-17.9
Pengeluaran pinjaman	55.5	51.8	200.0	9.0	-6.4	-3.3
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	4.6	2.6	10.0	10.9	10.6	10.6
Perusahaan perniagaan						
Permohonan pinjaman	18.6	17.0	69.1	-9.2	-24.2	-11.3
Kelulusan pinjaman	11.1	10.1	36.2	-13.0	-35.0	-32.5
Pengeluaran pinjaman	38.8	34.9	135.8	7.8	-10.9	-6.7
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	-0.2	0.2	-1.0	9.5	9.2	9.2
PKS[2/]						
Permohonan pinjaman	7.9	8.5	28.7	-7.4	-14.2	-15.6
Kelulusan pinjaman	3.4	3.3	12.2	-25.4	-41.2	-33.9
Pengeluaran pinjaman	11.5	11.3	45.9	-11.0	-17.7	-14.2
Perubahan pinjaman terkumpul[1/3/]	-0.1	-0.6	-7.4	-0.4	-1.2	-1.2
Isi rumah						
Permohonan pinjaman	23.8	24.8	80.9	21.5	14.1	4.6
Kelulusan pinjaman	13.2	14.0	46.8	12.6	0.7	-1.4
Pengeluaran pinjaman	16.7	16.9	64.2	11.9	4.4	4.8
Perubahan pinjaman terkumpul[1/]	1.4	2.6	7.9	8.8	8.5	8.5

[1/] Pertumbuhan tahunan adalah jumlah terkumpul pada akhir tempoh.

[2/] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

[3/] Penurunan dalam pinjaman terkumpul PKS menunjukkan pengasingan beberapa syarikat PKS yang telah menjadi syarikat besar, memandangkan mereka telah menjangkaui definisi PKS. Tanpa pengasingan tersebut, pinjaman terkumpul PKS akan berkembang 2.2% pada asas tahunan pada akhir Apr 2009.

…disebabkan terutamanya oleh permintaan isi rumah yang lebih tinggi terhadap pembiayaan




Pengeluaran pinjaman adalah menyeluruh

Permintaan sektor isi rumah terhadap pembiayaan adalah lebih kukuh pada bulan April. Permohonan dan kelulusan pinjaman yang bertambah disebabkan terutamanya oleh pinjaman yang lebih tinggi untuk pembelian harta kediaman dan kereta penumpang. Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi pada bulan April menyebabkan pengembangan selanjutnya dalam pinjaman terkumpul sektor isi rumah. Pada asas tahunan, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang 8.5% pada akhir bulan April (akhir Mac: 8.8%).

Walaupun permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman bagi sektor perniagaan lebih rendah berbanding dengan bulan sebelumnya, pertumbuhan keseluruhan pinjaman perniagaan terus mampan pada kadar tahunan 9.2% (akhir bulan Mac: 9.5%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal terus aktif


Pemerolehan dana bersih dalam pasaran modal meningkat daripada RM11 bilion pada bulan Mac kepada RM16.8 bilion pada bulan April, didorong terutamanya oleh terbitan hak sebanyak RM11.3 bilion. Pemerolehan dana oleh sebuah syarikat telekomunikasi dan sebuah syarikat kewangan adalah untuk pembayaran semula hutang dan pembiayaan modal kerja. Dalam pasaran PDS, aktiviti pembiayaan terus mampan pada RM6.2 bilion. Selepas membuat penyelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran PDS berjumlah RM4 bilion. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor awam berjumlah RM1.5 bilion. Dana telah diperoleh melalui Terbitan Pelaburan Kerajaan 3 tahun.



1/ Termasuk Cagamas Bon

KLCI meningkat dengan ketara pada bulan April

Pada bulan April, KLCI ditutup lebih tinggi pada 990.7 mata (akhir Mac: 872.6 mata) sejajar dengan prestasi pasaran serantau lain. Sentimen pasaran dalam negeri bertambah baik berikutan pengumuman liberalisasi sektor perkhidmatan dan kewangan dalam negeri, di samping harga minyak sawit mentah yang terus meningkat. Permodalan pasaran meningkat kepada RM754.2 bilion (sejak akhir Mac: +13.9%) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 1,232.8 juta unit (Mac: 444.6 juta unit).




KLCI meningkat pada bulan April

Pada 26 Mei, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,051.6 mata (sejak akhir April: +6.2%). Permodalan pasaran secara keseluruhan lebih tinggi pada RM805.6 bilion (sejak akhir April: +6.8%) manakala urus niaga purata harian terus meningkat kepada 2,324.4 juta unit.

Rizab antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia berjumlah RM320.4 bilion (bersamaan dengan USD87.7 bilion) pada 30 April 2009. Pada 15 Mei 2009, rizab antarabangsa berjumlah RM321.5 bilion (bersamaan dengan USD88 bilion). Kedudukan rizab ini memadai untuk membiayai 8.3 bulan import tertangguh dan ialah 3.8 kali hutang luar negeri jangka pendek.



Nota: Mulai akhir bulan Mac 2008, hutang luar negeri jangka pendek merujuk kepada takrifan baharu hutang luar negeri, dengan mengambil kira entiti luar pesisir di Labuan IBFC sebagai pemastautin

Tahap permodalan kukuh dan pinjaman tak berbayar sistem perbankan stabil


Permodalan sistem perbankan menjadi lebih kukuh berikutan usaha pemerolehan modal oleh institusi perbankan. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) meningkat 0.7 mata peratusan kepada 14.2%, manakala nisbah modal teras lebih kukuh pada 12.3%. Ini menghasilkan lebihan modal sebanyak RM5.1 bilion untuk menyerap sebarang kemungkinan kerugian dan terus menyokong operasi. Sementara itu, nisbah pinjaman tak berbayar bersih tidak berubah pada 2.2% sejak bulan Disember 2008 dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman terus berada pada 88.5%. Institusi perbankan telah mengumpulkan rizab yang kukuh semasa keadaan perniagaan yang menggalakkan bagi meningkatkan keupayaan mereka menangani keadaan semasa yang lebih sukar ini.

Penunjuk Keadaan Sistem Perbankan *

	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Feb 09	Mac 09	Apr 09
Modal (%) **										
Nisbah modal teras	11.1	11.1	11.4	10.7	10.7	10.2	10.6	11.2	11.6	12.3
RWCR	13.2	13.8	14.4	13.7	13.5	13.2	12.7	13.2	13.5	14.2
NPL bersih (klasifikasi 3 bulan)										
% jumlah pinjaman bersih	10.2	8.9	7.5	5.8	4.8	3.2	2.2	2.2	2.2	2.2
Jumlah (RM juta)	43,110	40,013	36,668	31,332	27,360	20,011	15,889	15,864	16,029	16,093
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (3 bulan, %)	2.1	2.0	1.9	1.8	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7	1.7

* Jadual ini termasuk bank-bank Islam.
** Mulai Mac 2008, pengiraan RWCR dan nisbah modal teras mengambil kira institusi perbankan yang menerima pakai pendekatan standard di bawah Basel II


Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



* berdasarkan klasifikasi 3 bulan

Permodalan sistem perbankan terus kukuh …

Penunjuk Kekukuhan Modal



…dan NPL terus berada pada paras yang rendah

Bank Negara Malaysia
27 Mei 2009

Perangkaan Utama Monetari dan Kewangan

		Feb 09		Mac 09		Apr 09	
		Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan	Jumlah terkumpul	Pertumbuhan tahunan
		(RM b)	(%)	(RM b)	(%)	(RM b)	(%)
Agregat Monetari							
Wang rizab		60.5	-10.6	54.1	-17.5	53.8	-17.7
M1		179.2	3.9	179.7	3.5	182.6	7.4
M2		914.7	9.5	921.9	9.3	918.8	6.6
M3		944.2	7.8	949.3	7.3	948.1	6.1
Sistem Perbankan							
Jumlah deposit		976.5	8.3	985.9	8.0	984.8	6.2
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas)		729.3	10.9	733.9	10.9	736.5	10.6
Nisbah pinjaman-deposit (%)		73.6		73.7		74.2	
Nisbah pembiayaan-deposit [1] (%)		81.1		80.8		81.2	
Pinjaman yang dipohon (pada tempoh berkenaan)		34.1	8.9	42.4	5.8	41.8	-5.4
Pinjaman yang diluluskan (pada tempoh berkenaan)		18.0	-15.9	24.3	-0.7	24.1	-18.2
Pinjaman yang dikeluarkan (pada tempoh berkenaan)		43.6	-5.4	55.5	9.0	51.8	-6.4
Pinjaman yang dibayar balik (pada tempoh berkenaan)		41.8	-3.4	48.4	4.8	49.1	-2.8
Keadaan Sistem Perbankan							
Nisbah Modal Wajaran Risiko (RWCR) (%)		13.2		13.5		14.2	
NPL bersih: Klasifikasi 3 bulan (%)		2.2		2.2		2.2	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)							
Rizab dalam RM bilion		315.9		320.7		320.4	
Rizab dalam Dolar AS bilion (bersamaan)		91.1		87.8		87.7	
Bilangan bulan import tertangguh		8.0		8.3		8.3	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]							
Kadar Dasar Semalaman (OPR)		2.00		2.00		2.00	
Antarabank:	Semalaman	1.99 [2.42]		2.00 [2.00]		1.99 [2.00]	
	Seminggu	2.03 [2.44]		2.03 [2.02]		2.02 [2.02]	
	1 bulan	2.06 [2.46]		2.06 [2.05]		2.06 [2.05]	
Deposit tetap bank perdagangan:	1 bulan	2.05		2.02		2.02	
	3 bulan	2.07		2.04		2.04	
BLR bank perdagangan		5.89		5.53		5.53	
ALR bank perdagangan		5.49		5.16		5.13	
Harga							
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2005=100)		111.9	3.7	111.7	3.5	111.5	3.0
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) (2000=100)		130.3	-6.3	128.4	-8.9	t.d.	t.d.
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Mata Wang Terpilih (akhir tempoh)							
Dolar AS		3.6925		3.6470		3.5610	
Euro		4.6952		4.8348		4.7404	
Paun Sterling		5.2699		5.2203		5.2804	
100 Yen Jepun		3.7862		3.7091		3.6570	
Dolar Singapura		2.3956		2.4008		2.4076	
100 Baht Thailand		10.2484		10.2660		10.091	
100 Peso Filipina		7.5829		7.5343		7.3620	
100 Rupiah Indonesia		0.0308		0.0315		0.0334	
100 Won Korea		0.2428		0.2630		0.2754	
Pasaran Modal							
Dana bersih (RM b) yang diperoleh sektor:	awam	-1.5		6.6		1.5	
	swasta	-2.4		4.4		15.3	
Indeks Komposit Bursa Malaysia (akhir tempoh)		890.7		872.6		990.7	
Permodalan Pasaran Bursa Malaysia (RM b) (akhir tempoh)		667.4		662.1		754.2	

[1] Merujuk kepada nisbah pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta (PDS) oleh sistem perbankan atas deposit sistem perbankan.